

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS, TAHUN 2021**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR
[PERMATANG PAUH]**

TARIKH : 11 NOVEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR [PERMATANG PAUH] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan sama ada pencari kerja akan dilindungi daripada sebarang bentuk diskriminasi (dari segi jantina, bangsa, agama ataupun status keupayaan), mengambil kira pendirian SUHAKAM dan Majlis Peguam bahawa tiadanya halangan undang-undang bagi Kerajaan memasukkan terma pencari kerja dalam Akta Pekerjaan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Rang Undang-Undang Kerja (Pindaan) 2021 telah dibentangkan untuk bacaan kali pertama di Parlimen pada 25 Oktober 2021. Bacaan kedua dijadualkan untuk dibentangkan mulai 14 hingga 16 Disember 2021.

Cadangan pindaan RUU Kerja ini melibatkan beberapa peruntukan baharu yang merangkumi diskriminasi terhadap pekerja, peningkatan tempoh cuti bersalin, larangan pemberhentian kerja atas sebab kehamilan, waktu kerja fleksible dan cuti paterniti.

Cadangan pindaan terhadap Akta Kerja 1955 dilakukan setelah sesi libat urus (*engagement*) yang menyeluruh diadakan bersama pihak-pihak berkepentingan termasuklah secara atas talian bagi mendapatkan pelbagai pandangan untuk diambil kira dalam pindaan Akta Kerja 1955.

Selain itu, sebuah Jawatankuasa Teknikal bagi pindaan Akta Kerja 1955 turut ditubuhkan di bawah Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan. Mesyuarat Jawatankuasa telah pun mengadakan mesyuarat bagi meneliti dan memperinci cadangan pindaan ke atas Akta ini.

Untuk makluman Tuan Yang Di Pertua dan Ahli Dewan, pencari kerja (*job seekers*) tidak dilindungi di bawah Akta Kerja 1955 kerana Akta ini hanya meliputi pekerja yang telah memasuki atau menjalin hubungan pekerjaan (*employment relationship*) dengan seorang majikan, di mana satu hubungan pekerjaan secara '*Contract of Service*' telah diwujudkan.